

Kertas Bil. 25/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR - SUSULAN DARIPADA LAWATAN
KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)
KERTAS BILANGAN 45/2014**

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
10:	<p>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSUSLAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)</p>	<p>1. ISU BERKAITAN HUBUNGAN DI ANTARA PENGURUSAN TERTINGGI DAN AHLI MAJLIS DAN JUGA DI ANTARA JABATAN</p> <p>a) Jawatankuasa menyarankan supaya apa-apa arahan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua PBT perlu disampaikan dan dimaklumkan secara rasmi kepada semua Ahli Majlis selaras dengan peruntukan undang-undang melalui Seksyen 9 dibaca bersama Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).</p>	✓		<p>a) Majlis telah menyampaikan semua maklumat dan arahan Kerajaan Negeri kepada Ahli Majlis dan pihak Pengurusan Tertinggi di dalam Mesyuarat Majlis atau di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis atau Mesyuarat Teknikal Majlis yang dihadiri oleh semua Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan berkaitan. Selain daripada itu, Majlis akan menyampaikan pekeliling atau arahan dari SUK kepada Ahli Majlis melalui surat atau email (sekiranya berkaitan). Tidak timbul dakwaan arahan Kerajaan Negeri tidak disampaikan kepada Ahli Majlis.</p>

MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>b) Hal yang sama perlu diamalkan oleh mana-mana pegawai PBT di mana segala kertas kerja atau cadangan yang hendak dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC), Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) atau Kerajaan Negeri menggunakan nama Majlis perlu mendapatkan kelulusan Ahli Majlis sesuai dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di dalam perenggan 14 di atas.</p>	✓		<p>b) Semua kertas kerja cadangan yang hendak dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) atau MTES atau Kerajaan Negeri yang menggunakan nama Majlis sememangnya telah mendapat kelulusan Ahli Majlis. Walaubagaimanapun terdapat kes di mana Majlis sendiri diminta menyediakan kertas kerja terlalu singkat menyebabkan perkara tersebut tidak dibincangkan atau mendapat kelulusan Ahli Majlis. Walaubagaimanapun fakta yang dikutip dan diketengahkan adalah fakta berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis dan ia diklasifikasikan sebagai SULIT.</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>2. ISU BERKAITAN PENTADBIRAN DAN PRESTASI PENGURUSAN TERTINGGI, PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN MBPJ</p> <p>a) Kerajaan Negeri perlu memastikan tindakan diambil terhadap semua audit yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus dalam PBT-PBT di Negeri Selangor.</p>	✓		<p>Majlis mengambil tindakan ke atas laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat.</p>
		<p>3. ISU BERKAITAN TENDER</p> <p>(a) Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan supaya Ahli-Ahli Majlis dapat dimasukkan kembali ke dalam Jawatankuasa Tender.</p>			<p>Perlantikan Ahli Jawatankuasa Sebutarga dan Tender Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Sesi 2014-2015 adalah tertakluk kepada kelulusan yang dikeluarkan dari Perbendaharaan Negeri Selangor.</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulaskan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>4. ISU BERKAITAN NISBAH PLOT (PLOT RATIO).</p> <p>(a) Jawatankuasa menyarankan supaya PBT atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk mengambilalih urusan penyelenggaraan rumah-rumah kos rendah.</p> <p>(b) Jawatankuasa juga menyarankan MBPJ dapat memperkasakan penguatkuasaan terhadap pemilik-pemilik rumah yang enggan membayar kos penyelenggaraan dan juga meningkatkan bilangan kes yang dibawa ke mahkamah untuk memastikan pemilik membayar kos penyelenggaraan yang tertunggak.</p>	✓		<p>a) Laporan pendakwaan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan adalah tindakan pendakwaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Perundangan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang mana Bahagian Perundangan ini juga turut membawa pendakwaan daripada 11 PBT lain di Negeri Selangor.</p> <p>b) PBT khususnya Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan berusaha memperkasakan tindakan penguatkuasaan dan mempertingkatkan bilangan kes pendakwaan selaras dengan pertambahan pegawai perundangan pada tahun hadapan dan cadangan</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					<p>penambahbaikan struktur organisasi Unit COB oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>Kerjasama daripada pemilik petak dan pemaju sangat diperlukan untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang penting dan wajib bagi melaksanakan pendakwaan seperti salinan perjanjian jual beli dan lain-lain dokumen berkaitan pemilikan.</p> <p>Selaras dengan pelaksanaan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang dijangka akan dikuatkuasakan, kes-kes pendakwaan terhadap pemilik petak yang enggan membayar caj penyenggaraan akan dibawa ke Tertibunal Pegurusan Strata.</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
10.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSUSLAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)	<p>5. ISU BERKAITAN PENGURUSAN SAMPAH</p> <p>(a) Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula pemilihan tender kontraktor kutipan sampah berdasarkan harga yang terendah.</p> <p>(b) Jawatankuasa juga menyarankan supaya cadangan-cadangan dibawah dapat dipertimbangkan:</p> <p>(i) Membekalkan tong sampah di setiap premis perniagaan dan kawasan komersial;</p> <p>(ii) Menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah;</p> <p>(iii) Menambahkan jumlah tong sampah di sekitar kawasan Petaling Jaya; dan</p> <p>(iv) Mengadakan pertandingan kebersihan di antara kawasan perumahan.</p>	✓		<p>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ mengambil maklum cadangan yang disyorkan. Langkah berikut sedang diambil termasuk cadangan penambahan tong sampah di tempat awam kawasan perniagaan dan menghendaki setiap pemilik premis menyediakan tong sampah sebagai syarat perlesenan. Program 3R termasuk pemberian rebat cukai taksiran dan kempen turut dijalankan untuk menggalakkan penduduk mengasingkan sampah.</p>

MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
 JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>6. ISU KEMUDAHAN AWAM TIDAK MESRA OKU</p> <p>(a) Jawatankuasa mencadangkan agar satu pelan tindakan dibuat oleh MBPJ untuk mengubah bangunan awam supaya menjadi mesra OKU secara berperingkat selain daripada meningkatkan lagi kemudahan awam mesra OKU.</p> <p>(b) Jawatankuasa juga menyarankan supaya pihak MBPJ supaya segala projek infrastruktur awam yang akan dibina pada masa hadapan perlu mesra pejalan kaki atau '<i>pedestrian friendly</i>'.</p>	✓		<p>a) MBPJ telah merangka pelan tindakan bandar bebas halangan PJ, dimana salah satu strategi/tindakan adalah menjalankan audit akses di bangunan awam bagi menambahbaikan kemudahan OKU.</p> <p>b) Majlis telah mensyaratkan keperluan penyediaan tertulis dan laluan pejalan kaki yang mesra OKU dalam semua projek-projek pembangunan dan infrastruktur awam.</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
10.	<p>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMAPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSUSLAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)</p>	<p>7. LAIN-LAIN ISU</p> <p>(a) Tuan Mahharul membangkitkan isu pelesenan di mana beliau mendakwa Kerajaan Negeri telah menaikkan bayaran lesen-lesen perniagaan tanpa berbincang terlebih dahulu bersama Ahli-Ahli Majlis.</p>			<p>a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan yang telah diadakan pada 28 September 2010. Kenaikan kadar fi lesen telah dimaklumkan kepada ahli-ahli Majlis dimana telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 28 Februari 2012.</p> <p>Kadar yang dikenakan adalah berdasarkan kepada semua Undang-undang Kecil Pelesenan 2007 yang digunapakai oleh Majlis dan Undang-undang Kecil Pelesenan 1987 adalah terbatal.</p>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>(b) Tuan Oon juga telah memberi maklumbalas kepada JP-PBT mengenai dokumen-dokumen sulit di dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis/ Mesyuarat Jawatankuasa di mana beliau merasakan hal tersebut menjejaskan ketelusan pentadbiran MBPJ.</p> <p>(c) Ahli-Ahli Majlis juga sedia maklum bahawa pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT-PBT di Negeri Selangor untuk membekukan pemberian Lesen Hiburan kecuali lesen-lesen bagi kafe siber dan juga pusat karaoke di mana ianya jatuh di bawah kategori hiburan.</p>			<p>b) Walau sesuatu dokumen telah diklasifikasikan sebagai SULIT, orang ramai masih boleh mendapatkan salinan cabutan minit mesyuarat seperti mana diperuntukan di dalam Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 dengan bayaran sebanyak RM10.00 fi pemerosan dan RM2.00 fi permohonan.</p> <p>c) Majlis telah menanggukuhkan semua lesen Pusat Hiburan Keluarga yang melanggar syarat-syarat lesen daripada diperbaharui bagi tahun 2015 selaras dengan Keputusan Mesyuarat Semakan semula kadar Fi Lesen oleh YB TUAN EAN YONG HIAN WAH yang bertariikh 11 November 2014. Selain itu, penanggukan ini juga di buat selaras dengan arahan</p>

MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
 JABATAN : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>(d) Tuan Ir. Lee mencadangkan supaya elaun Ahli Majlis dinaikkan berikutan bebanan kerja yang tinggi dan kadar elaun semasa yang agak rendah.</p> <p>(e) Tuan Oon berpendapat dokumen berkenaan cadangan pembangunan tidak perlu diklasifikasikan sebagai sulit. Beliau juga mencadangkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dapat menubuhkan satu unit '<i>professional managers</i>' sebagai konsultan dalaman di dalam agensi-agensi berkaitan Kerajaan Negeri bagi memudahkan dan menambahbaik sistem pengurusan dan pentadbiran.</p>			<p>Kerajaan Negeri No rujukan (1) dlm IPK Sel 60363 Jld 21 dan Keputusan Mesyuarat Teknikal Pelesenan Bil 6/2014 bertarikh 25 November 2014.</p>